Reformasi Undang-undang Keluarga Islam

Dr. Ahmad Hidayat Buang

Abstract: *Reform in Islamic Family Law has been a controversial issue. Opponents to the reform view that it is a violation to the Syariah Law whereas the propopents argue that provisions of the Islamic traditional law should be revised to make it harmonious with the modern concept of Muslim family and states. This article attempts to analyse some factors inducing such a reform and methods that are used in it.*

Pendahuluan

Undang-undang keluarga Islam bermaksud peraturan-peraturan yang mana sesebuah keluarga Islam terbina dan dengannya hubungan sesama ahli keluarga diatur seperti perkahwinan, hak-hak yang terbit darinya seperti nafkah, hak jagaan anak *(hadanah)* dan kuasa pewaliyan *(wilayah)*, perceraian dan pusaka. Boleh dikatakan bahawa keseluruhan peraturan-peraturan ini dinyatakan secara terperinci oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Kebanyakan peruntukan-peruntukan ini bukanlah satu inovasi baru yang dibuat oleh al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi merupakan satu bentuk reformasi atau modifikasi terhadap amalan-amalan yang telah sedia ada, terutama untuk membela golongan yang lemah dan tertindas seperti kaum wanita dan kanak-kanak. Untuk memahami dengan lebih baik terhadap peruntukan-peruntukan ini kita perlu melihat apakah amalan masyarakat Arab jahiliyyah pada masa itu dan bagaimana al-Qur'an dan al-Sunnah

memperkenalkan peruntukan-peruntukannya.

Melalui al-Qur'an kita mengetahui bahawa masyarakat Arab jahiliyyah memandang rendah kepada golongan wanita dan kanak-kanak. Wanita dianggap tidak lebih sebagai barang dagangan yang boleh dijual beli dan bahkan boleh dipusakai dan diperbuat apa sahaja (al-Qur'an, surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 21). Manakala kanak-kanak pula, terutama kanak-kanak perempuan, kadang-kadang dibunuh begitu sahaja secara kejam kerana dikatakan membawa malu dan dukacita kepada sesuatu keluarga (al-Qur'an, surah 81 *(al-Takwir)*: ayat 9 dan *(al-Nahl)* 16: ayat 58).[1] Layanan buruk yang diterima oleh golongan ini adalah semata-mata kerana mereka tidak dapat menyumbang dengan berkesan kepada kabilah atau suku kaum mereka di dalam masa peperangan atau pergaduhan yang mana ini adalah satu ciri utama kehidupan masyarakat Arab ketika itu.[2]

Agama Islam yang mendokong prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan yang lahir dalam keadaan sistem masyarakat yang sedemikian rupa sudah tentulah tidak dapat menerima amalan-amalan tersebut. Sebagai hasilnya agama Islam telah menghapus beberapa amalan kekeluargaan masyarakat Arab yang dikatakan berlaku kejam dan zalim terhadap golongan wanita. Amalan nikah *al-maqt* (yakni pewarisan isteri bapa kepada anak setelah kematian bapa) telah dihapuskan oleh al-Qur'an sendiri (surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 22). Begitu jugalah amalan menjual anak perempuan untuk tujuan pernikahan atau apa yang dikenali sebagai nikah *bi da'* turut dihapuskan oleh Islam.[3]

Manakala amalan-amalan yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dibenarkan melalui pengiktirafan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Amalan-amalan kekeluargaan bangsa Arab seperti *nikah, mahr, talaq* dan sebagainya terus diiktiraf oleh Islam dengan beberapa pengubahsuian supaya selaras dengan ajaran Islam.[4] Pengubahsuaian terhadap amalan-amalan ini kebanyakannya bertujuan untuk memperbaiki kedudukan kaum wanita. Sebagai contoh amalan pembayaran *mahr* tidak lagi diserahkan kepada pihak keluarga tetapi menjadi milik wanita yang berkahwin (surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 4). Begitu juga bilangan isteri yang sebelum ini tidak terhad telah dihadkan sehingga kepada empat orang (surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 3) dan perceraian melalui *talaq* dihadkan kepada dua kali sahaja (surah 2 *(al-Baqarah)*: ayat 230).

Di dalam persoalan pusaka kaum wanita diberi peluang untuk mewarisi harta waris-waris mereka bersama-sama pihak lelaki walaupun di dalam banyak keadaan jumlah pusaka yang diterima oleh wanita tidak sama dengan jumlah yang diterima oleh kaum lelaki (sebagai contoh di dalam surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 11). Pemberian pusaka kepada kaum wanita ini bukan bermakna satu sistem baru pesaka diperkenalkan oleh al-Qur'an tetapi adalah satu pengubahsuaian terhadap sistem pusaka yang berdasarkan kepada sistem *'asabah* yang diamalkan oleh masyarakat Arab ketika itu.[5] Dengan demikian peruntukan-peruntukan al-Qur'an dan al-Hadith di dalam masalah kekeluargaan bukan bertujuan melahirkan satu sistem kekeluargaan yang baharu tetapi adalah satu kesinambungan dari amalan-amalan terdahulu dengan beberapa pengubahsuaian yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan wanita dan kanak-kanak.

Sungguhpun ternyata al-Qur'an dan al-Sunnah telah membela hak-hak wanita dan kanak-kanak, terdapat banyak tuduhan dan dakwaan bahawa wanita dan kanak-kanak

adalah golongan yang tertindas dalam Islam. Wanita dikatakan tidak mendapat layanan yang sama seperti kaum lelaki di dalam Islam. Justeru itu ramai pihak yang beranggapan bahawa peraturan-peraturan Syariah dan Fiqh perlu dipinda untuk membetulkan keadaan ini. Oleh yang demikian pindaan yang berlaku terhadap beberapa peruntukan undang-undang keluarga Islam di awal kurun kedua puluh masehi di kebanyakan negara-negara Islam timur tengah merupakan satu bentuk reformasi untuk memperjuangkan hak-hak wanita yang dikatakan tidak terbela itu. Apakah usaha-usaha reformasi ini bermakna peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh nas-nas Syariah tidak mencukupi atau memadai di dalam menanggangi persoalan kekeluargaan masa kini? Artikel ini bertujuan untuk membuat beberapa analisa apakah justifikasi yang diberikan oleh penggubal undang-undang di negara-negara Islam dalam melakukan perubahan tersebut.

Undang-undang Keluarga Mengikut Fiqh Islam.

Ulama fiqh zaman awal dan pertengahan Islam telah menyusun peruntukan-peruntukan al-Quran dan al-Sunnah yang menyentuh undang-undang keluarga dalam bentuk yang lebih sistematik dan akhirnya lahir bentuk yang warisi pada hari ini. Satu bab khusus di dalam kitab-kitab fiqh telah diperuntukkan untuk membincangkan soal-soal kekeluargaan. Bahkan bahagian kekeluargaan ini dianggap oleh fiqh Islam sebagai salah satu cabang utama dari cabang-cabang fiqh yang empat iaitu *'ibadat* (soal-soal ritual), *mu'amalat* (soal-soal sivil), *munakahat* (soal-soal kekeluargaan) dan *jinayat* (soal-soal jenayah).[6]

Walaupun peruntukan-peruntukan al-Qur'an dan al-Sunnah tentang kekeluargaan agak menyeluruh dan ditil terdapat beberapa perbezaan yang ketara di dalam memahami dan menafsir peruntukan-peruntukan tersebut di kalangan ulama fiqh. Perbezaan ini mungkin berpunca dari latar belakang pendidikan dan masyarakat ulama tersebut. Sebagai contohnya pada masalah kapasiti wanita untuk berkontrak di dalam perkahwinan, ulama Kufah berpendapat bahawa wanita boleh melakukan kontrak perkahwinan atas sifatnya sebagai salah seorang pihak yang terlibat di dalam perkahwinan tersebut, manakala ulama Hijaz berpendapat wanita tidak mempunyai keahlian untuk melakukan kontrak perkahwinan, kontrak tersebut mestilah dilakukan oleh walinya.[7]

Perbezaan ini berlaku kerana latar belakang masyarakat Kufah dan Hijaz adalah berbeza di dalam memahami nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Di Kufah masyarakatnya bersifat kosmopolitan dan wanita di sana mempunyai kedudukan yang agak liberal, manakala di Hijaz masyarakatnya bersifat konservatif dan patriakal dan wanita tidak mempunyai apa-apa peranan yang mustahak di dalam urusan kemasyarakatan. Perbezaan ini lama kelamaan menjadi begitu menonjol dan akhirnya menjadi ciri khusus sesuatu mazhab tersebut di mana pandangan mazhab Kufah ini akhirnya menjadi pegangan pengikut mazhab Hanafi dan pandangan mazhab Hijaz menjadi pegangan pengikut mazhab Maliki dan Syafi'i.

Walaupun perhubungan kekeluargaan terutamanya akad perkahwinan adalah satu kontrak sivil mengikut fiqh Islam ianya dianggap oleh umat Islam sebagai sesuatu yang melebihi sebagai akad sivil bahkan ia adalah suatu yang penting dan mustahak dalam

agama. Anggapan sedemikian berpunca dari terang, jelas dan ditilnya penerangan mengenai hak-hak kekeluargaan oleh al-Qur'an dan al-Hadith. Sudah menjadi satu kelaziman apabila sesuatu hukuman tersebut diterang dengan jelas dan ditil oleh sumber-sumber *naql* maka ia menjadi sangat penting dan sebarang perubahan terhadapnya tidak dibenarkan atas alasan ia akan menyentuh asas atau dasar agama itu sendiri. Oleh itu perubahan atau reformasi yang berlaku terhadap beberapa peruntukan undang-undang keluarga pada masa kini adalah satu perkara yang sensitif jika dilihat dari aspek di atas.

Dalam meneliti peruntukan-peruntukan kekeluargaan Islam di antara mazhab-mazhab kita akan mendapati satu persamaan di antara mazhab-mazhab fiqh, iaitu mereka lebih cenderung untuk menafsirkan peruntukan-peruntukan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai satu tanggungjawab moral dan agama daripada menganggapnya sebagai satu peruntukan yang mempunyai kuat kuasa undang-undang. Terdapat banyak peruntukan al-Qur'an telah dihadkan pemakaiannya melalui tafsiran sebagai peruntukan moral semata-mata yang mana perlaksanaannya hanya bergantung kepada belas ihsan dan kesedaran (conscience) pihak lelaki. Misalnya terdapat dua ayat al-Qur'an (Surah 2 *(al-Baqarah)*: ayat-ayat 236 dan 241) yang menganjurkan suami supaya membayar *mut'ah* (bayaran saguhati) kepada isteri yang mereka ceraikan dianggap oleh sesetegah ulama fiqh seperti Imam Malik hanya sebagai suatu tanggungjawab sukarela si suami. Si suami boleh memilih samada hendak membayarnya atau tidak. Maka jika dia memilih untuk membayarnya maka dia telah melakukan sesuatu yang terpuji.[8]

Contoh yang lain ialah peruntukan poligami (Surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 3) yang membenarkan seseorang lelaki berkahwin sehingga empat isteri dengan syarat ia berlaku adil kepada setiap isterinya ditafsirkan oleh sesetengah ulama sebagai tanggungjawab moral semata-mata. Perkataan adil di dalam ayat tersebut pula ditafsirkan hanya sebagai keadilan dari sudut material bukan lain-lain yang bersifat subjektif berdasarkan kepada hadith 'A'ishah.[9] Maka jika si suami tidak berlaku adil maka ia akan hanya bertanggungjawab dari segi keagamaan dan moral sahaja, dengan erti kata mahkamah tidak mempunyai kuasa memaksanya berlaku adil kepada setiap isterinya.

Secara ringkasnya tafsiran peruntukan-peruntukan kekeluargaan seperti yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah di dalam bentuk yang kita dapati sekarang adalah hasil dari pemikiran dan ijtihad ulama fiqh pada masa dahulu. Di dalam penyusunan peruntukan-peruntukan tersebut terdapat dua perkara yang dicorakkan oleh fiqh: pertama, tafsiran-tafsiran peruntukan-peruntukan tersebut banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur luaran seperti latarbelakang dan amalan sesuatu masyarakat, kedua, tujuan al-Qur'an untuk memelihara kedudukan kaum wanita nampaknya dianggap sebagai suatu kewajipan moral dan bukan sebagai sesuatu yang mempunyai kuatkuasa undang-undang. Tiadanya sebarang arahan tegas dari peruntukan fiqh pada sesetengah peruntukan undang-undang keluarga ini menyebabkan masyarakat awam, terutama dari latar belakang masyarakat patriakal, meneruskan amalan tradisi mereka dalam urusan kekeluargaan.

Atas alasan inilah barangkali masyarakat Islam moden masa kini merasa tidak selesa dengan tafsiran ulama tersebut terhadap peruntukan-peruntukan al-Qur'an yang menyentuh kekeluargaan. Rasa tidak puas hati ini diterjemahkan dalam bentuk

perubahan-perubahan telah dilakukan terhadap beberapa peruntukan undang-undang keluarga fiqh Islam yang berlaku di kebanyakan negara Islam. Tujuan perubahan tersebut adalah untuk menjadikan sebahagian dari peruntukan-peruntukan al-Qur'an itu sesuai dengan perkembangan masyarakat Islam kini yang dinamik dan terbuka terutama terhadap peranan dan kedudukan wanita di dalam masyarakat. Dengan kata lain perubahan tersebut cuba untuk menafsirkan semula peruntukan-peruntukan al-Qur'an supaya selaras dengan perkembangan moden masyarakat Islam kini.[10]

Perubahan-perubahan Undang-undang Keluarga Islam Masa Kini.

Pemakaian undang-undang keluarga Islam dalam bentuknya yang tradisi berterusan sampai kepada awal kurun keduapuluh di serata tempat dunia Islam. Ini tidaklah menghairankan kerana ajaran *taqlid* masih lagi menjadi asas pemikiran perundangan Islam. Perkembangan ini amat berbeza jika dibandingkan dengan lain-lain aspek perundangan terutama, obligasi dan jenayah, yang telah ditinggalkan dan diganti dengan perundangan barat ataupun sekurang-kurangnya telah menerima proses pembaharuan di dalam pemikiran perundangannya. Ini mungkin disebabkan pemakaian undang-undang keluarga Islam di kalangan masyarakat Islam adalah merupakan persoalan-persoalan peribadi yang tidak menyentuh kepentingan pihak penjajah dan orang-orang yang bukan Islam sebagaimana undang-undang jenayah dan obligasi.

Tambahan pula peraturan perkahwinan dan kekeluargaan yang diatur oleh fiqh Islam adalah selaras dengan kehendak masyarakat Islam yang lazimnya bersifat patriakal. Ini ditambah pula dengan anggapan bahawa peraturan kekeluargaan inilah yang menunjukkan keislaman seseorang itu.[11] Sebagai contoh seseorang itu tidak akan dikatakan sebagai seorang Islam jika ia tidak berkahwin atau berkeluarga mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh agama. Maka peraturan kekeluargaan ini dengan sendirinya menjadi kayu pengukur kepada Islam atau tidaknya seseorang itu. Oleh yang demikian orang-orang Islam merasakan bahawa undang-undang keluarga Islam perlulah berada di dalam keadaannya yang sekarang tanpa perlu ada campurtangan atau perubahan dari luar.

Namun begitu sejak negara-negara Islam dijajah oleh negara-negara Barat dan jatuhnya empayar Islam Turki Uthmaniyyah pengaruh penghidupan barat telah mula masuk mempengaruhi cara hidup dan budaya tradisi masyarakat orang-orang Islam. Sebagai contohnya wanita telah mula diberi kebebasan dalam kegiatan masyarakat seperti bekerja, belajar, dan sebagainya. Konsep keluarga tribal seperti yang lumrah dalam masyarakat Islam telah mula digantikan dengan konsep keluarga asas. Perubahan di dalam budaya dan penghidupan ini sudah tentulah akan menjadikan amalan-amalan tradisi yang difahami dari peruntukan-peruntukan fiqh yang dibuat bersesuaian dengan masyarakat tribal dan maskulin tidak lagi bertepatan dengan kehendak masyarakat Islam yang baru ini. Dengan demikian satu tafsiran baru perlu dilakukan untuk menjadikan peraturan-peraturan undang-undang kekeluargaan ini sesuai dengan kehendak zaman baru umat Islam.

Usaha-usaha untuk melakukan perubahan ini bermula pada tahun 1893 oleh seorang

negarawan Mesir, Muhammad Qadri Pasha, di mana beliau telah mengkodifikasi peraturan-peraturan undang-undang keluarga dalam bentuknya yang tradisi di dalam format moden yang diberi nama sebagai *al-Ahkam al-Shar'iyyah al-Ahwal al-Shakhsiyyah* (Hukum Syari'ah di dalam soal-soal persendirian). Sungguhpun begitu manual Muhammad Qadri Pasha ini tidak dapat dikatakan sebagai satu tafsiran baru undang-undang keluarga Islam kerana pada dasarnya ia hanyalah kodifikasi undang-undang keluarga tafsiran Hanafi yang disusun dalam bab-bab dan dibahagikan kepada artikel-artikel sebagaimana yang terdapat di dalam undang-undang moden barat. Manual tersebut mengandungi kira-kira 647 artikel yang menyentuh persoalan perkahwinan, perceraian, pemberian *(hibah)*, *hajr (interdiction)*, wasiat dan pusaka.[12]

Manual ini walaupun disusun dengan begitu rupa dan agak komprehensif malangnya tidak pernah diishtihar secara rasmi sebagai undang-undang di Mesir sungguhpun ia menjadi sumber rujukan penting kepada hakim-hakim dan cendikiawan Mesir. Ia disusun khusus bagi rujukan hakim-hakim sekular di Mahkamah Sekular *(Mahakim Mukhtalitah)* bagi memudahkan rujukan kepada undang-undang Islam yang dipakai mahkamah Syari'ah.

Namun begitu apa yang penting yang ingin ditunjukkan oleh manual ini ialah buat pertama kalinya undang-undang keluarga Islam cuba disusun dalam bentuk yang baru walaupun semangatnya masih terikat dengan tafsiran tradisi.

Usaha yang benar-benar melambangkan reformasi atau tafsiran baru terhadap undang-undang keluarga Islam yang betul-betul bermakna dilakukan oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1915. Pada tahun berkenaan Sultan Turki telah mewartakan dua dikri diRaja yang membolehkan wanita membuat tuntutan pembubaran perkahwinan mereka di Mahkamah Syari'ah yang mana sebelum ini sebarang tuntutan berkenaan tidak dibenarkan.[13]

Di dalam membuat dikri ini peruntukan mazhab Maliki telah diambil sebagai panduan. Dua tahun selepas itu satu kod undang-undang keluarga telah diwartakan oleh Sultan Turki. Kod ini dikenali dengan *Qanun Huquq al-'A'ila al-'Uthmaniyyah* (Kanun Hak-hak Kekeluargaan Uthmaniyyah). Kod ini tidaklah besar dan lengkap kerana ia hanya mempunyai beberapa peruntukan yang menyentuh seperti perkahwinan dan perceraian. Kod ini sebagaimana manual Muhammad Qadri Pasha berasaskan kepada Mazhab Hanafi, namun begitu ia berbeza dengan manual tersebut di mana kod tersebut telah menyisip beberapa peruntukan yang berasal dari Mazhab Sunni yang lain. Kod ini dapat dikatakan sebagai percubaan pertama kalinya untuk melakukan reformasi terhadap undang-undang keluarga Islam. Profesor Coulson seorang sarjana barat undang-undang Islam membuat komentar terhadap kod ini dengan katanya:

> *"The Ottoman Law of Family Rights was the first great monument of reform in the traditional family law"* - Undang-undang Hak-hak Kekeluargaan Uthmniyya ini adalah merupakan satu tugu yang penting di dalam usaha-usaha reformasi undang-undang keluarga Islam.[14]

Undang-undang Hak-hak Kekeluargaan Turki Uthmaniyyah ini dapat dikatakan sebagai langkah buat pertama kalinya untuk menafsirkan semula undang-undang tradisi keluarga Islam kepada bentuk yang baru. Pengubalan dan pemakaian undang-undang ini sangat penting kerana ia menjadi pendorong dan perangsang kepada perkembangan selanjutnya di negara-negara Arab, terutama selepas kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyyah pada tahun 1924 dan penghapusan undang-undang Syariah di Turki pada tahun 1926. Sungguhpun demikian undang-undang Keluarga Turki 1917 masih lagi terpakai di sesetengah negara Arab bekas jajahan Turki. Oleh itu pusat perkembangan selanjutnya usaha-usaha reformasi undang-undang keluarga telah berpindah dari Turki ke dunia Arab dan pada kali ini pusatnya adalah Mesir.

Terpilihnya Mesir sebagai pusat perkembangan idea-idea baru reformasi perundangan Islam adalah kerana Mesir pada ketika itu merupakan pusat ilmu. Selain itu ia juga mempunyai corak kerajaan yang agak liberal jika dibandingkan dengan negara-negara Arab yang lain. Dengan demikian Mesir menjadi tumpuan tokoh-tokoh politik dan pembaharuan Islam yang datang samada mencari perlindungan politik atau menubuhkan persatuan bagi melancarkan gerakan samada politik atau keagamaan dari Mesir. Dengan demikian selepas kejatuhan Turki Uthmaniyyah, Mesir dengan sendirinya menjadi pusat keilmuan dan modernisma Islam.[15] Keadaan dan suasana ini menjadikan Mesir sebagai sebuah negeri yang mudah untuk melakukan perubahan terhadap undang-undang keluarga Islam yang telahpun dimulai di Turki.

Kerajaan Mesir pada tahun-tahun 1916-17 telah merangka satu deraf undang-undang keluarga yang menyentuh persoalan perkahwinan dan perceraian. Perundangan ini cuba untuk mewajibkan pendaftaran bagi setiap perkahwinan dan perceraian begitu juga ia cuba untuk mengawal amalan poligami di kalangan masyarakat Islam Mesir. Namun begitu deraf undang-undang ini gagal kerana mendapat penentangan yang kuat dari masyarakat Islam Mesir dan akhirnya rancangan untuk melaksana undang-undang tersebut terpaksa ditinggalkan.[16] Namun begitu beberapa peruntukan deraf undang-undang tersebut, terutama yang menyentuh pembubaran perkahwinan melalui perintah Mahkamah, telah diambil dan dilaksanakan di Sudan melalui Pekeliling Perundangan Sudan tahun 1916 *(Sudani Judicial Circular of 1916).*[17]

Reformasi undang-undang keluarga ini hanya muncul di Mesir pada tahun 1920. Undang-undang keluarga tahun 1920 adalah menyentuh pembubaran perkahwinan melalui perintah Mahkamah. Undang-undang ini memungut peruntukannya dari peruntukan Mazhab Maliki, terutama di dalam membenarkan si isteri memohon petisyen kepada mahkamah supaya perkahwinannya dibubarkan atas beberapa alasan tertentu yang disebut oleh undang-undang tersebut.[18] Kemudian dari itu dalam tahun 1929 satu lagi perundangan yang menyentuh tentang nafkah telah juga digubal dan dilaksanakan.

Sebagaimana di Turki, pengkodifikasian atau penggubalan undang-undang keluarga Islam di Mesir hanya dilakukan secara serpihan dalam ertikata bukan semua aspek undang-undang keluarga disentuh. Namun begitu perubahan yang paling menonjol dan radikal ialah undang-undang tahun 1946 yang menyentuh tentang pusaka. Di dalam undang-undang ini persoalan pusaka Islam telah disusun dalam bentuk perundangan moden. Perkara yang paling berbeza dengan peruntukan fiqh Islam yang boleh dikatakan

titik perpisahan di antara undang-undang kekeluargaan Islam moden dan undang-undang fiqh Islam ialah yang menyentuh persoalan hak pewarisan cucu seorang datuk walaupun terdapat anak kepada datuk tersebut. Cucu tersebut mengikut undang-undang ini berhak mewarisi sebahagian daripada harta datuknya dengan syarat ianya adalah seorang yang yatim, walaupun pada masa yang sama terdapat waris-waris lain, terutama anak lelaki pada si mati, di mana jika mengikut fiqh, waris itu boleh menahan cucu tersebut dari menerima pusaka datuknya. Pewarisan cucu tersebut dibuat dengan menggunakan prinsip *al-wasiyyah al-wajibah* yang memang terdapat di dalam sesetengah mazhab di dalam Islam seperti Mazhab Zahiri.[19]

Undang-undang Pusaka Mesir tahun 1946 sesungguhnya merupakan titik mula perubahan di dalam undang-undang keluarga Islam dibuat dengan secara radikal dan agressif[20] dan telah diikuti dengan setianya oleh Undang-undang keluarga Pakistan tahun 1962.

Mesir walaupun menjadi pusat kepada perkembangan baru undang-undang keluarga Islam ini tidak pernah mengadakan satu kod lengkap undang-undang keluarga Islam dalam bentuk yang moden. Perubahan yang dilakukan di Mesir hanyalah dalam bentuk serpihan di sana sini yang menyentuh tentang undang-undang keluarga. Ini dengan sendirinya bermakna sejumlah besar undang-undang keluarga Islam di Mesir masih lagi merujuk kepada peruntukan-peruntukan fiqh Islam. Ini mungkin disebabkan oleh penentangan yang kuat oleh golongan tradisional yang menentang sebarang perubahan terhadap undang-undang keluarga seperti yang terdapat di dalam fiqh Islam. Ini dapat dilihat kepada kegagalan draf undang-undang keluarga tahun 1916-17 seperti yang diterangkan di atas. Penentangan ini juga dapat dilihat pada satu percubaan oleh Kerajaan Mesir untuk menggubal satu undang-undang keluarga yang menyentuh poligami pada tahun 1979. Undang-undang ini gagal kerana ia diistiharkan oleh pihak Mahkamah Perlembagaan Mesir *(Mahkamat Dusturiyyah)* sebagai batal kerana berlawanan dengan perlembagaan Mesir atas sebab-sebab teknikal.[21]

Sungguhpun demikian, perkembangan yang berlaku di Mesir telah memberi perangsang kepada negara-negara Islam yang lain untuk melakukan perubahan di dalam perundangan keluarga masing-masing dalam ertikata perundangan Mesir dalam banyak hal telah dijadikan panduan atau model. Demikian juga perundangan Turki Uthmaniyyah walaupun çsudah dihapus pemakaiannya di Turki masih tetap terpakai di wilayah-wilayah Arab bekas pemerintahan Turki. Sebagai contoh undang-undang Hak-hak Kekeluargaan Turki Uthmaniyyah 1917 masih terpakai di Jordan, Palestin, Syria dan Lebanon sehingga ianya diganti dengan perundangan yang baru di negara-negara berkenaan. Bahkan undang-undang tersebut masih lagi terpakai di Lebanon sekiranya undang-undang tempatan tidak mempunyai peruntukan dalam perkara berkaitan (artikel 242 Undang-undang Lebanon tahun 1962). Oleh yang demikian penggubalan perundangan keluarga yang berlaku di negara-negara Islam kebanyakannya berasaskan kepada perundangan Mesir dan Turki.

Menjelang pertengahan abad keduapuluh masehi boleh dikatakan kebanyakan negara-negara Islam sudah menggubal undang-undang keluarga masing-masing. Penggubalan perundangan ini sungguhpun berasaskan kepada perundangan Turki dan Mesir, berbeza

dalam dua aspek: pertama, penggubalan undang-undang tersebut lebih lengkap dan menyeluruh yakni semua peruntukan perundangan yang menyentuh hal-hal kekeluargaan terdapat di dalam kod undang-undang yang satu, dan kedua, perubahan pada sesetengah negara di dalam beberapa perkara lebih radikal daripada apa yang berlaku di Mesir dan Turki.

Negara pertama yang menggubal perundangan keluarga mereka mengikut aspek-aspek di atas ialah Lebanon pada tahun 1948. Undang-undang tersebut adalah undang-undang Personal Status kaum Syi'ah Druze (satu cabang dari Mazhab Syi'ah Isma'iliyyah). Undang-undang ini buat pertama kalinya menghapus perkahwinan di bawah umur dan amalan poligami di kalangan kaum Syi'ah Druze. Jordan menggubal undang-undang keluarganya pada tahun 1951, Tunisia pada tahun 1957, Aljeria, Moroko dan Syria pada tahun 1958, Iraq pada tahun 1959, Iran dan Pakistan pada tahun 1961. Manakala negara-negara Teluk Arab masih menggunakan fiqh Islam dalam bentuknya yang tradisi dalam hal-hal kekeluargaan kecuali Kuwait yang telah menggubal undang-undang keluarganya pada tahun 1987.

Negara-negara Islam timur jauh seperti di Malaysia dan Indonesia baharu sahaja menyusun undang-undang keluarga masing dalam kodnya yang lengkap, seperti di Indonesia pada tahun 1974 (melalui Undang-undang No.1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan) dan di Malaysia dalam tahun 1984 (melalui Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan). Sungguhpun beberapa perundangan di Malaysia yang menyentuh kekeluargaan Islam telah dilakukan jauh lebih dahulu sebelum Turki, di mana satu undang-undang mengenai orang-orang Islam ditubuhkan pada tahun 1880. Undang-undang ini dikenali sebagai Ordinan Perkahwinan Orang-orang Islam di Pulau Pinang tahun 1880. Ordinan ini dikatakan membuat peruntukan mengenai keperluan pendaftaran nikah cerai orang-orang Islam.[22] Manakala di Turki pula undang-undang Kekeluargaan Islam telah dihapuskan terus dan diganti oleh undang-undang yang diimpot dari Swiss. Dengan demikian pada masa ini boleh dikatakan keseluruhan negara-negara Islam mempunyai kod undang-undang keluarga yang mana peruntukan-peruntukan undang-undang ini mempunyai beberapa perbezaan daripada fiqh Islam.

Walaupun setiap negara Islam mempunyai kod undang-undang keluarga masing-masing, terdapat beberapa persamaan sesama undang-undang tersebut terutama dalam menyusun dan mengemas beberapa peruntukan fiqh Islam supaya mudah dan senang untuk ditadbir dan dikawal. Ini adalah termasuk persoalan-persoalan seperti perkahwinan bawah umur, pendaftaran perkahwinan dan perceraian, *talaq*, dan poligami. Kecenderungan kebanyakan perundangan tersebut adalah untuk mengawal persoalan-persoalan tersebut seperti yang ditunjukkan di bawah ini.

1- Perkahwinan tidak dibenarkan melainkan setelah pasangan-pasangan berkenaan sampai kepada umur yang dibenarkan. Kebanyakan kod-kod undang-undang keluarga menetapkan had umur tertentu untuk tujuan perkahwinan.

2 - Setiap perkahwinan atau perceraian mesti didaftar. Keperluan pendaftaran bagi perkahwinan merupakan satu elemen baru dalam undang-undang keluarga Islam,

walaupun diakui bahawa kegagalan untuk mendaftar perkahwinan tersebut tidaklah menjejas keabsahan perkahwinan tersebut. Cuma kegagalan pendaftaran akan menyebabkan pihak-pihak terlibat tidak mempunyai hak atau kebenaran untuk menuntut di mahkamah. Pendaftaran perkahwinan dengan demikian akan menjadi penting hanya apabila pembuktian diperlukan oleh mahkamah untuk menentukan kewujudan perkahwinan tersebut secara undang-undang.

3 - Dalam soal *talaq*, kuasa untuk menceraikan isteri melalui hak budibicara suami secara umumnya masih pada tangan suami, namun begitu beberapa sekatan telah dikenakan. Sebagai contohnya di Syria perceraian yang hendak dilakukan itu hendaklah berdasarkan kepada alasan yang munasabah. Jika tidak si suami bertanggungjawab ke atas nafkah isterinya untuk selama setahun. Manakala di Pakistan si suami mestilah melapurkan niatnya untuk bercerai kepada pengerusi jawatankuasa perdamaian suami isteri, hanya selepas laporan tersebut dan segala proses yang seharusnya dilakukan telah dibuat baharulah perceraian tersebut diambil kira. Manakala di sesetengah negara pula seperti Tunisia kuasa suami untuk menceraikan isterinya telah dihapuskan. Perceraian hanya boleh dilakukan di mahkamah sahaja.

4- Manakala di dalam persoalan poligami pula beberapa sekatan telah dikenakan seperti mesti mendapat persetujuan daripada Qadi dan sebagainya. Di Tunisia dan bagi pengikut-pengikut Syi'ah aliran Isma'iliyyah di Afrika Timur amalan poligami dihapuskan terus dan sesiapa yang didapati mengamalkan poligami sekurang-kurangnya di Tunisia adalah melakukan suatu kesalahan jenayah. Perubahan-perubahan ini walaupun berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain, ia dikatakan oleh banyak penulis barat sebagai bertujuan untuk menaikan taraf kedudukan wanita Islam dan kanak-kanak yang selama ini dikatakan tertekan di dalam masyarakat tradisional Islam.[24]

Insentif dan Metod-metod Reformasi

Sebagaimana yang telah diterangkan sebab yang paling utama berlakunya perubahan di dalam undang-undang keluarga Islam ialah perubahan yang berlaku kepada susun lapis dan keadaan sosial, politik dan kebudayaan masyarakat dan negara-negara Islam. Masyarakat yang baharu ini sudah tentu tidak berasa selesa dengan peruntukan undang-undang Syariah tafsiran zaman silam. Penggunaan peruntukan undang-undang Syariah secara rigid dan normatif pada ketika-ketika tertentu akan menyebabkan rasa tidak puas hati dan kekecewaan di kalangan anggota masyarakat. Misalnya pada masa awal kurun keduapuluh masihi di Turki Uthmaniyyah terdapat begitu ramai isteri-isteri yang ditinggalkan oleh suami-suami mereka. Turki Uthmaniyyah ketika itu dikatakan menjadi tempat tumpuan di mana terdapat banyak sekali orang-orang luar yang datang ke sana. Wanita-wanita ini apabila ditinggalkan oleh suami-suami mereka tertinggal dalam keadaan yang serba salah kerana petisyen untuk membubarkan perkahwinan mereka tidak dibenarkan oleh Mahkamah.[25] Larangan ini dibuat berasaskan kepada pendapat mazhab Hanafi yang tidak memberi hak apa-apa pun kepada isteri untuk membubarkan

perkahwinannya melalui pengistiharan mahkamah.

Ikutan pendapat Hanafi di dalam masalah ini telah menimbulkan semacam suatu masalah jika tidak krisis kepada isteri-isteri tadi untuk membebaskan diri mereka dari perkahwinan yang "tidak bertali" ini. Masalah-masalah inilah yang mendorong Sultan Turki Uthmaniyyah mengistihar dikri di Raja pada tahun 1915 yang membenarkan petisyen untuk membubarkan perkahwinan atas alasan ditinggalkan suami dibuat di mahkamah. Perubahan ini dapat dilakukan kerana terdapat sokongan daripada prinsip-prinsip umum undang-undang Syariah sendiri. Undang-undang Syariah memperuntukan bahawa hukum-hukum itu berubah apabila berubah `illatnya. Ini diperkuatkan lagi dengan artikel 39 *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah* yang memperuntukkan bahawa: "tidak dapat dinafikan lagi bahawa dengan berubahnya masa, maka kehendak undang-undang pun juga berubah".

Meminjam perkataan Profesor Anderson apabila pintu kepada perubahan ini sudah terbuka dan terdapat peluang untuk melakukannya maka gelombang kepada perubahan ini pun menyusul.'[26] Ini ditambah lagi dengan penguasaan puak Muslim modernis di dalam negeri-negeri baru Islam yang diasaskan atas dasar kebangsaan. Golongan ini yang banyak terpengaruh dengan idea-idea barat menyeru supaya dibuat perubahan terhadap institusi-institusi tradisi umat Islam yang dikatakan tidak sesuai dengan perkembangan masa. Ini termasuklah aspek-aspek undang-undang keluarga. Gerakan-gerakan wanita juga turut menyumbangkan ke arah perubahan ini. Sebagai contohnya Muhammad Qasim Amin, seorang pejuang hak wanita Mesir di dalam bukunya *Tahrir al-Mar'a* menyeru supaya wanita-wanita Muslim dibebaskan dari dominasi kaum lelaki yang selama ini menentukan segala-galanya bagi pihak wanita.[24]

Akibat dari tekanan-tekanan ini dan sokongan politik yang kuat dari pihak pemerintah perubahan-perubahan akhirnya telah dilakukan.Walaupun perubahan berjaya dilakukan, pihak-pihak modernis Islam tidaklah bertindak secara melulu atau membabi buta meniru undang-undang barat sebagaimana yang telah berlaku di Republik Turki. Perubahan tersebut seboleh-bolehnya mesti mempunyai justifikasi dari perundangan Islam. Perkara ini berlaku mungkin kerana terdapat beberapa golongan pemuka Islam yang berpendidikan tradisional tetapi mempunyai kesedaran terhadap kemajuan dan penggunaan idea-idea baru dalam agama, seperti Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida. Mereka ini selalunya dirujuk sebagai reformis Islam yang ingin menggunakan kemajuan barat hanya sebagai alat untuk memajukan umat Islam manakala Islam atau Syariah adalah asas kepada kemajuan itu.[27]

Sebagaimana yang diketahui kedudukan undang-undang Syariah pada awal kurun kedua puluh masehi masih di bawah pengaruh ajaran *taqlid*. Pada permulaannya ajaran *taqlid* tidak digugat dalam melakukan perubahan di dalam undang-undang keluarga. Bahkan ajaran ini dimanipulasikan sepenuhnya. Sebagaimana yang diketahui jurispruden Islam mengiktiraf kesemua mazhab yang empat dan membenarkan perpindahan mazhab. Namun begitu, perpindahan mazhab ini tidaklah beberapa ketara berlaku di kalangan umat Islam kerana para ulama mazhab berpendapat bahawa mengguna pendapat yang lemah di dalam mazhab adalah terlebih baik dari berpindah mazhab. Penggunaan kaedah ini digunakan dengan meluas di dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, di

mana pendapat-pendapat yang lemah di dalam mazhab Hanafi telah dipetik untuk dijadikan undang-undang.[29]

Sayangnya *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* ini tidak menyentuh persoalan undang-undang keluarga. Namun begitu atas aspirasi peruntukan undang-undang Majallah, lama kelamaan pendapat-pendapat dalam mazhab yang lain akhirnya dipetik juga untuk digunakan dalam melakukan perubahan.

Kaedah menceduk pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab yang lain yang sesuai dengan keadaan masa dan setempat ini dikenali sebagai kaedah *al-takhayyur*. Kaedah ini mula digunakan di dalam dikri di Raja Turki Uthmaniyyah tahun 1915 yang menceduk daripada peruntukan undang-undang mazhab Maliki dan Hanbali dalam masalah perbubaran perkahwinan yang mana mazhab Hanafi tidak memperuntukkannya.[30] Seterusnya ia digunakan dengan meluas di dalam undang-undang Kekeluargaan Uthmaniyyah 1917. Artikel 38 undang-undang tersebut memperuntukan bahawa syarat yang diletakkan oleh seseorang isteri yang menghalang suaminya dari berkahwin dengan isteri tambahan adalah sah dan diiktiraf oleh undang-undang. Peruntukan ini dipetik dari pendapat mazhab Hanbali yang membenarkan syarat dimasukkan ke dalam akad.[31]

Kaedah ini digunakan dengan begitu meluas sehinggalah kadang-kadang sampai kepada had mengubahsuai pendapat mazhab. Misalnya undang-undang keluarga Mesir tahun 1920 (no.25) yang antaranya memperuntukan bahawa seseorang suami boleh menghalang petisyen isterinya untuk membubarkan perkahwinan atas alasan tinggalan *(desertion)* jika ia boleh menunjukkan sebab-sebab yang manasabah. Sedangkan di dalam mazhab Maliki seseorang suami tidaklah perlu memberi alasan-alasan sedemikian.

Penyusunan semula bidangkuasa mahkamah dan perkara-perkara yang menyentuh pentadbiran juga memberi kesan kepada bentuk amalan undang-undang keluarga tradisi. Perubahan dalam aspek ini dibuat atas dasar *siyasah syar'iyyah*, di mana pihak pemerintah mengikut pandangan hukum Syariah mempunyai kuasa-kuasa pentadbiran untuk membuat peruntukan-peruntukan bagaimana sesuatu hukum itu dapat dijalankan dengan lebih baik lagi. Melalui kaedah ini berbagai cara telah digunakan untuk merubah peruntukan-peruntukan undang-undang keluarga Islam. Pertama dengan menghadkan kuasa Mahkamah Syariah kepada bidangkuasa undang-undang keluarga. Dalam lingkungan undang-undang keluarga ini beberapa perubahan telah diperkenalkan melalui perantara pentadbiran terutama yang menyentuh prosedur.

Perubahan-perubahan di dalam bidang pentadbiran dan prosedur ini akhirnya menyebabkan beberapa peruntukan undang-undang Syariah secara tidak langsung tidak dapat digunakan lagi atau sekurang-kurangnya terhad pemakaiannya. Sebagai contoh Undang-undang Mesir tahun 1931 (no. 78) memperuntukkan bahawa Mahkamah tidak akan melayan sebarang tuntutan yang timbul dari perkahwinan yang mana pihak suami tidak mencapai umur 18 tahun dan pihak isteri tidak mencapai umur 16 tahun, semasa tuntutan dibuat (melainkan dengan perintah dari Kerajaan), atau perkahwinan yang tidak didaftarkan. Antara akibat daripada peruntukan ini sesetengah perkahwinan yang sah pada pandangan undang-undang Syariah tradisi tidak dapat dikuatkuasakan oleh mahkamah mengikut prosedur dan peraturan pentadbiran yang diperkenalkan seperti di atas. Namun begitu ia tidaklah menghalang tuntutan dibuat yang timbul dari perkahwinan

yang tidak didaftarkan jika sekiranya pihak-pihak terlibat dapat membuktikan kesahihan perkahwinan tersebut.

Walaupun kaedah-kaedah *takhayyur* dan *siyasah* seperti di atas dirasakan agak berkesan dalam melakukan perubahan dalam undang-undang keluarga Islam, di mana kehendak-kehehendak dunia moden dan fahaman-fahaman tradisi undang-undang Syariah dapat dikompromikan, ia tidak dapat memenuhi beberapa tuntutan semasa. Perubahan terhadap beberapa peruntukan tradisi undang-undang Syariah, seperti kuasa *talaq* suami dalam persoalan penceraian dan poligami tidak dapat diuraikan dengan efektif melalui kaedah-kaedah di atas. Para reformis merasakan mereka terpaksa menilai semula tafsiran tradisi terhadap peruntukan-peruntukan di atas. Dengan kata lain yang lebih tepat, satu ijtihad baru amat diperlukan untuk melakukan perubahan dan tafsiran semula peruntukan-peruntukan itu.[32]

Percubaan pertama untuk menggunakan kaedah ini dilakukan oleh undang-undang Personal Status Syria tahun 1953 dalam masalah poligami. Penggubal undang-undang ini berpendapat bahawa syarat kemampuan dari sudut kewangan seperti yang ditafsirkan oleh undang-undang Syariah tradisi hendaklah dianggap sebagai satu arahan yang mengikat dan syarat *mu'allaq (condition precedent)* sebelum mana-mana perkahwinan tambahan dibenarkan. Pengangkatan syarat ini daripada satu tanggungjawab moral kepada satu peruntukan undang-undang yang mengikat adalah dibuat atas dasar *sadd al-dhara'i'*, di mana mahkamah berkuasa menyekat mana-mana perkahwinan tambahan yang mana suami tidak mampu menanggungnya, kerana ketidakmampuan suami untuk menanggung perkahwinan ini boleh dianggap sebagai penganiayaan yang mesti dielakkan.[33]

Namun begitu penggunaan kaedah ini paling ketara dilakukan oleh undang-undang Personal Status Tunisia tahun 1957. Undang-undang ini telah menghapuskan terus amalan poligami dan perceraian melalui *talaq*. Penggubal undang-undang Tunisia berhujah bahawa al-Qur'an sendiri telah menunjukkan secara tersirat bahawa amalan-amalan ini tidak dibenarkan. Sebagai contoh amalan poligami dihapuskan dengan alasan bahawa al-Qur'an tidak membenarkannya jika berlaku ketidakadilan di dalam perkahwinan yang lebih dari satu itu (lihat surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 3). Ketidakadilan ini ditafsirkan semula sebagai semua aspek hidup kekeluargaan termasuklah perasaan kasih sayang dan layanan kasih mesra. Aspek ini dikatakan sebagai sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh seorang suami, sebagaimana yang ditunjukkan oleh al-Qur'an sendiri bahawa seseorang itu tidak mampu melakukan keadilan sesama isterinya walau bagaimana diusaha sekalipun (lihat surah 4 *(al-Nisa')*: ayat 129).

Bersama-sama ayat ini dan ayat di atas penggubal undang-undang Keluarga Tunisia berpendapat bahawa amalan poligami secara tersiratnya tidak dibenarkan oleh al-Qur'an.[34] Perubahan ini dengan demikian adalah satu bentuk tafsiran semula pandangan fiqh Islam dan ianya dianggap sebagai satu bentuk ijtihad yang baru. Penghapusan amalan poligami dengan demikian tidaklah dibuat dengan semata-mata meniru dari perundangan barat atau Eropah yang melarang poligami atau bigami, tetapi dibuat berpandukan kepada jurispruden Islam iaitu pentafsiran semula peruntukan al-Qur'an dengan mengambil kira suasana semasa.

Kesimpulan

Reformasi moden terhadap undang-undang Syariah dalam bentuknya yang tradisi telah dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari permilihan pendapat-pendapat di dalam mazhab, kemudian melalui prinsip *siyasah* dan *takhayyur* dan akhirnya penafsiran semula undang-undang Islam atau ijtihad apabila metod-metod di bawah doktrin *taqlid* gagal memberi jawapan yang memuaskan kepada tuntutan-tuntutan semasa. Jika diperhatikan secara umum kita akan mendapati bahawa kebanyakan perubahan tersebut cuba untuk memperbaiki kedudukan wanita dan kanak-kanak di mata undang-undang.

Persoalan yang mungkin akan timbul apakah peruntukan undang-undang Syariah selama ini tidak menjaga dan melindung hak wanita? Sebenarnya jika dilihat dengan teliti kita akan mendapati bahwa peruntukan-peruntukan undang-undang Syariah itu memberi beberapa hak kepada kaum wanita dan kanak-kanak. Penulis telah menerangkan bahawa beberapa keadaan yang berat sebelah terhadap wanita di dalam masyarakat Arab jahiliyyah telah diperbetulkan oleh al-Qur'an. Begitu juga undang-undang Syariah tafsiran ulama dahulu melalui tulisan-tulisan mereka memberi beberapa hak kepada wanita dan kanak-kanak.

Sebagai contohnya mazhab Hanbali membenarkan si isteri membuat syarat di dalam akad perkahwinannya walaupun syarat tersebut adalah untuk kepentingannya sahaja. Begitu juga di dalam mazhab Maliki yang membenarkan si isteri membuat tuntutan perceraian melalui mahkamah atas alasan *darar* atau penganiayaan, manakala di dalam mazhab Syafi'i melalui syarat *ta'liq*. Mazhab Hanafi pula membenarkan pembayaran mahr dibuat secara tangguh apabila berlaku perceraian, di mana jika berlaku perceraian si suami terpaksa membayar mahr yang banyak dan ini adalah satu cara untuk menentukan bahawa si suami tidak menggunakan kuasa *talaq*nya secara sewenang-wenangnya.

Oleh yang demikian bukanlah undang-undang Syariah yang menyebabkan kedudukan wanita begitu rendah. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kaum wanita tertekan, antara yang mustahak dan menonjol ialah latarbelakang budaya dan sosial masyarakat tersebut. Amalan dan latarbelakang budaya sesuatu masyarakat telah menyebabkan sesetengah ajaran Islam dan peruntukan-peruntukan fiqh diabaikan. Begitu juga faktor kejahilan dan buta huruf di kalangan wanita Islam yang tidak mengetahui hak-hak mereka sebagaimana yang diperuntukan oleh agama dan undang-undang.[35] Maka apabila berlaku perubahan kepada struktur masyarakat dan peluang wanita untuk sama-sama keluar mencari pengetahuan dan pekerjaan maka amalan-amalan dan ikutan-ikutan lama dalam soal-soal kekeluargaan mula dipertikaikan. Perubahan-perubahan yang kita nyatakan di atas adalah satu bentuk tindak balas kepada perkembangan ini.

Perubahan di dalam sesuatu sistem perundangan itu adalah satu fenomena atau sunnah yang pasti berlaku. Sistem perundangan Islam tidak terlepas dari fenomena ini. Namun begitu teori perundangan Islam tidaklah sama dengan sistem perundangan yang lain dalam erti kata ianya adalah suatu sistem perundangan yang bersifat keagamaan di mana pindaan tidak dibenarkan. Untuk mengimbangkan antara dua perbezaan ini ulama

Islam berpandangan bahawa yang kekal abadi itu adalah peruntukan-peruntukan jelas al-Qur'an (*muhkamat*) dan al-Sunnah. Adapun yang peruntukan-peruntukan *zanni* itu sentiasa terbuka kepada tafsiran dan perbezaan.

Tafsiran dan kefahaman adalah perkara yang subjektif dan banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Sejarah perundangan Islam telah menunjukkan kepada kita bahawa keadaan setempat dan semasa umat Islam telah memberi kesan yang besar kepada perundangan Islam terutama pada masa kelahiran mazhab-mazhab fiqh di dalam Islam.[36] Ulama pada masa itu telah menafsirkan peruntukan-peruntukan al-Qur'an dan al-Hadith mengikut keadaan semasa dan setempat. Berdasarkan kepada alasan ini kita dapat mengatakan sebahagian peruntukan-peruntukan undang-undang Syariah tafsiran ulama dahulu tidak sesuai dengan keadaan masyarakat moden Islam masa kini. Dengan demikian perubahan-perubahan atau fatwa-fatwa baru diperlukan untuk menjawab perkembangan umat Islam kini sebagaimana ulama dahulu menjawab persoalan semasa masyarakat mereka.

Dari asas ini kita dapat menyatakan bahwa apa yang dilakukan oleh para reformis terhadap undang-undang keluarga Islam adalah penerusan kepada apa yang telah dilakukan oleh ulama-ulama dahulu. Oleh itu kita dapat membuat kesimpulan bahawa perubahan-perubahan moden yang berlaku di dalam undang-undang keluarga Islam bukanlah sesuatu yang terkeluar dari Islam kerana ia adalah penafsiran semula undang-undang Syariah mengikut keperluan masa. Apa yang lebih penting ialah perkembangan ini dengan sendirinya menunjukkan bukannya al-Qur'an dan al-Sunnah itu yang tidak sempurna tetapi penafsiran dan kefahaman manusia itulah yang terbatas dan tidak sempurna.

NOTA HUJUNG

1. Lihat Muhammad Yusuf Musa, *al-Fiqh al-Islami*, cet.ke-3, Mesir, 1958, hh.14-6.
2. Badran Abu 'Aynayn Badran, *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith fi Syariah al-Islamiyyah wa al-Qanun*, Iskandariah, 1981, hh.8-9.
3. Id., *al-Syariah al-Islamiyyah*, Iskandariah, n.d., h.40.
4. Muhammad Yusuf Musa, *al-Fiqh*, hh.14-5.
5. N.J.Coulson, *A History of Islamic Law*, Edinburgh, 1964, h.17.
6. Bajuri, *Hashiyah al-Iqna'*, n.d., n.p., j. 2, hal. 2.
7. Coulson, *History*, hh. 48-9.1
8. Ibn Kathir, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Beirut, 1399H., j.1, h.217 dan Ibn Rusyd, *Bidayat al-Mujtahid*, Beirut, 1988, j.2, hh.97-8.

9. Ibn Kathir, *Mukhtasar Tafsir*, j.1, hh.355-6.
10. N.J.Coulson, "The Concept of Progress and Islamic Law", dalam Ahmad Ibrahim et.al., (eds.), *Readings on Islam in South East-Asia*, Singapura, 1985, h.211.
11. J.N.D.Anderson, *Law Reform in the Muslim World*, London, 1976, hh.38-9.
12. J.Schacht, *An Introduction to Islamic Law*, Oxford, 1956, h.100.
13. Untuk keterangan lanjut lihat Anderson, *Law Reform*, hh. 39-40.
14. Coulson, *History*, hal. 186.
15. J.N.D. Anderson, "Modern Trends in Islam: Legal Reform and Modernisation in the Middle East", *ICLQ*, j.20, 1971, hal.6.
16. J.J.Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, London: Graham and Trotman, 1986, h.29
17. Anderson, *Law Reform*, h.40
18. Muhammad Ab Zahra, *Muhadarah fi 'Aqd al-Ziwaj*, Mesir, 1958, h.21.
19. Lihat Hisham Qublan, *al-Wasiyyah al-Wajibah fi al-Islam*, edisi kedua, Beirut: Manshurat Bahr al-Mutawassit, 1985.
20. J.N.D. Anderson dan N.J.Coulson, *Islamic Law in Contemporary Cultural Change*, Saeculum, j.18, 1967, h.54.
21. Lihat Tahir Mahmood, "Some Recent Changes in the Egyptian Family Law", *Islamic and Comparative Law Quarterly*, j.5:2, 1985, h.167.
22. Lihat Ahmad Ibrahim, *Towards A History of law in Malaysia dan Singapore*, Singapura, 1970, h.57.
23. David Pearl, *A Textbook on Muslim Personal Law*, 2nd.ed., London, 1987, hh.134-5
24. Elizabeth H. White, "Legal Reform as an Indicator of Women's Status in Muslim Nations", dalam Lois Beck dan Nikki Keddie (eds.), *Women in the Muslim World*, Harvard, 1978, hh.53-4.
25. Anderson, *Law Reform*, h.39.
26. *Ibid.*, hal-hal. 39-40.
27. Wiebke Walther, *Woman In Islam*, London, 1981, h.174.K
28. John. L.Esposito, *Women in Muslim Family*, Syracuse University Press, 1982, hh.50-1.
29. Lihat C.A.Hooper, *Civil Laws of Palestine and Transjordan*, Jerusalem, 1933, j.1, h.2.
30. Anderson, *Law Reform*, h.39.2 Seterusnya ia digunakan dengan meluas di dalam undang-undang Kekeluargaan Uthmaniyyah 1917.
31. Lihat Muhammad Abu Zahrah, *Muhadarat*, hh.199-200.H
32. Anderson, *Law Reform*, h.58-9. 5
33. Coulson, *History*, h.208.
34. N.J.D.Anderson, "Islamic Law Today: The Background to Islamic Fundamentalism", *Arab Law Quarterly*, j.2:4, 1987, h.348.
35. Esposito, *Women*, h.48.
36. Lihat Muhammad Yusuf Musa, *Tarikh al-Fiqh al-Islami: (2) 'Asr Nash'ah al-Madhahib*, Kaherah, 1955, hh.11-2.